

24/10/1998

Langkah Belanjawan menguntungkan bank

Kadir Dikoh; Abdul Halim Yusof

CADANGAN tidak mengambil kira 50 peratus pendapatan faedah dalam akaun `faedah digantung' (interest in-suspense) sebagai pendapatan untuk tujuan pengiraan cukai, melegakan industri perbankan tempatan.

Pelbagai pihak yang terbabit dalam industri itu menyatakan langkah berkenaan akan memberi kesan positif secara keseluruhannya yang boleh memperbaiki daya keuntungan bank dalam keadaan ekonomi serantau yang masih belum stabil.

Pengerusi Persatuan Bank-Bank Malaysia (ABM), Datuk Amirsham A Aziz berkata, langkah itu amat penting sekali memandangkan tahap pinjaman tidak berbayar (NPL) dalam industri itu sekarang.

"Ia akan memberi kesan ke arah memperbaiki keuntungan bank dan memperkukuhkan industri terutama dalam tempoh yang sangat mencabar sekarang," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Belanjawan Negara 1999 semalam, mengumumkan mengenai cadangan itu berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1999 dan 2000.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan Pertama bagaimanapun berkata, faedah terbabit akan dikenakan cukai apabila ia dijelaskan oleh peminjam sambil berharap, ia dapat membantu meringankan beban kewangan yang terpaksa ditanggung institusi kewangan berkaitan dengan peningkatan NPL.

Pada masa ini, pinjaman yang bayaran ansuran pokok atau faedahnya sudah tertunggak untuk tempoh enam bulan atau lebih adalah dikategorikan sebagai NPL. Faedah NPL ini akan dimasukkan di bawah akaun `interest in-suspense'.

Dari segi layanan cukai, pendapatan faedah di bawah akaun berkenaan adalah dikenakan cukai berdasarkan prinsip terakru. Ini bermakna, institusi kewangan kena membayar cukai ke atas pendapatan di bawah akaun `interest in-suspense' walaupun pendapatan itu sebenarnya belum lagi diterima.

Dalam keadaan ekonomi masa kini, institusi kewangan menghadapi peningkatan dalam jumlah `interest in-suspense' disebabkan peningkatan NPL yang ketara.

Amirsham yang juga Pengarah Urusan Malayan Banking Bhd (Maybank) berkata, pihaknya juga mengalu-alukan pengecualian cukai terhadap duti setem dan cukai keuntungan hartanah sebenar berkaitan dengan penggabungan.

Sementara itu, tokoh perbankan, Tan Sri Azman Hashim, berkata belanjawan itu memberi beberapa faedah kepada sektor kewangan.

Beliau berkata, satu daripadanya ialah cadangan tidak mengambil kira 50 peratus pendapatan faedah dalam akaun `interest in-suspense', berbanding 100 peratus sekarang.

Pengecualian pengenaan duti setem bagi pembiayaan semula pinjaman pula, katanya akan menggalakkan penggabungan syarikat kewangan kerana belanja penggabungan akan mampu dikurangkan.

Azman juga menyambut baik cadangan supaya pendapatan faedah yang diperolehi unit amanah dikecualikan daripada cukai pendapatan.

(END)